Ahli-ahli Majlis baharu
MS 14, 15 & 16



Kembali!
MS 16 & 28




PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

JULAI 1-15, 2018

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Selamatkan Ulu Muda

## Harap pertemuan 3 negeri runding cari penyelesaian demi satu matlamat

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF & AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



**KETUA Menteri (dua dari kanan), Dr. Afif Bahardin (kanan sekali) dan Ir. Jaseni Maidinsa (tiga dari kanan) menulis mesej khas sebagai tanda sokongan kepada Kempen Selamatkan Hutan Simpan Ulu Muda bersempena Majlis Sambutan Hari Air Sedunia 2018 di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) secara rasminya melancarkan Kempen Selamatkan Hutan Simpan Ulu Muda demi kelestarian dan kemampanan sumber air mentah pada masa depan.

Kempen tersebut dilancarkan bersempena Majlis Sambutan Hari Air Sedunia 2018 pada 23 Jun lalu di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika melancarkan kempen berkenaan berkata, suara untuk menyelamatkan Hutan Simpan Ulu Muda telah dinyatakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini oleh Kerajaan Negeri dan pihak PBAPP.

"Isunya adalah Kerajaan Negeri Kedah telah memberikan konsesi untuk pembalakan di kawasan tadahan Ulu Muda.

"Kegiatan pembalakan ini akan menjejaskan sumber air mentah yang merupakan tadahan dan 80 peratus punca air kepada Pulau Pinang serta dua negeri di wilayah utara iaitu Kedah dan Perlis.

"Justeru, kita mahu kegiatan ini dihentikan agar dapat menjamin sumber air kepada Pulau Pinang, Kedah dan Perlis yang bergantung kepada tadahan ini," ujarnya pada sidang media selepas merasmikan Hari Sambutan Air Sedunia 2018 dekat Taman Bandaraya di sini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Dr. Afif Bahardin (Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar), Wong Hon Wai (Ahli Parlimen Bukit Bendera), Sim Tze Tzin (Ahli Parlimen Bayan Baru), Nurul Izzah Anwar (Ahli Parlimen Permatang Pauh) dan Dato' Ir. Jaseni Maidinsa (Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP).

Menurut Kon Yeow, Keluaran Dalam Negeri Kasar (GDP) ketiga-tiga negeri di Wilayah Utara (Pulau Pinang, Kedah dan Perlis) mencecah lebih RM100 bilion.

"Semua syarikat-syarikat ini bergantung kepada bekalan air mentah mencukupi setiap hari.

"Jadi, adalah menjadi harapan dengan perubahan politik ini ia akan memberikan sinar baharu dan diharap satu pertemuan di antara Menteri-menteri Besar (Kedah dan Perlis) dan Ketua Menteri (Pulau Pinang) boleh diadakan agar sama-sama duduk runding, bincang serta cari satu penyelesaian demi satu matlamat selamatkan Ulu Muda," ujarnya sambil menyatakan bahawa perbincangan yang diadakan sebelum ini dengan pihak kerajaan terdahulu tidak membuahkan hasil.

Dalam pada itu, sebagai memulakan kempen tersebut, Kon Yeow memberitahu, pihaknya akan menulis sepucuk surat kepada Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan kedua-dua Menteri Besar berkenaan berhubung perkara berkaitan.

"Selain pihak atasan yang bertanggungjawab menyelesaikan masalah ini, kita (Kerajaan Negeri) juga ingin rakyat dan badan bukan kerajaan (NGO) di ketiga-tiga negeri bersama-sama memfokuskan kempen ini.

"Kita tak mahu hingga berlakunya krisis air yang lebih teruk pada masa hadapan," ujarnya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Dalam pada itu, Jaseni dalam ucapannya sekali lagi menegaskan bahawa isu air Ulu Muda merupakan isu kritikal dan genting.

"Sebanyak 40,000 hektar lebih kawasan telah dibalak.

"Jika dihitung daripada kadar pembalakan sekarang, keseluruhan 163,103 hektar kawasan Hutan Simpan Ulu Muda bakal habis ditebang dalam jangka masa 15 tahun akan datang.

"Pada masa itu, negeri-negeri ini akan mengalami krisis air yang sangat teruk," jelasnya.

*(Rujuk juga muka 16 & 21).*

# Amalan rumah terbuka mampu menyatupadukan rakyat tanpa mengira fahaman politik mahupun agama

**BERTAM -** Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman mendapat sambutan meriah daripada masyarakat setempat.

Pelbagai juadah istimewa disediakan kepada tetamu yang hadir seperti lemang, sate, laksa dan banyak lagi.

Ahmad Zakiyuddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal dalam ucapannya berkata, amalan penganjuran rumah terbuka boleh dijadikan sebagai platform untuk merapatkan lagi hubungan silaturahim antara masyarakat.

"Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang sudi hadir di majlis ini.

"Majlis seperti ini memberi peluang kepada kita semua untuk berkenalan antara satu sama lain sekaligus dapat merapatkan lagi hubungan sesama kita," ucapnya pada majlis berkaitan dekat Dewan Millenium di sini 23 Jun lalu.

Hadir sebagai tetamu kehormat, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri.

Turut memeriahkan majlis, Speaker Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang; Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow; Exco Pembangunan Wanita & Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Dato' Abdul Halim Hussain (Exco Perdagangan Dalam Negeri & Antarabangsa, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan) dan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar.

ADUN Bertam, Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq; Lee Khai Loon (ADUN Machang Bubok); Mustafa Kamal (ADUN Teluk Air Tawar); Dr. Amar Pritpal Abdullah (ADUN Sungai Bakap); Gooi Hsiao Leung (ADUN Bukit Tengah) Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud dan isteri turut hadir.

Majlis berakhir dengan acara agihan duit raya kepada kanak-kanak berumur 13 tahun ke bawah.

Sementara itu, kemeriahan Syawal berterusan dengan penganjuran Majlis Jamuan Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Maung di Dewan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Wen Khai pada 1 Julai lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung Abdul Halim menyatakan, penganjuran rumah terbuka tersebut diharapkan dapat menyatupadukan rakyat tanpa mengira fahaman politik mahupun agama.

Hadir memeriahkan majlis berkaitan, Kon Yeow bersama-sama Ahmad Zakiyuddin serta Farizan Darus.

Turut hadir, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang bersama-sama Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali.




IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (empat dari kanan) menyampaikan sumbangan duit raya kepada pengunjung-pengunjung cilik pada majlis rumah terbuka Aidilfitri beliau di sini baru-baru ini.



ABDUL Halim Hussain (dua dari kanan) dan isteri menyampaikan sumbangan duit raya kepada kanak-kanak yang berkunjung ke Majlis Jamuan Aidilfitri DUN Batu Maung di sini baru-baru ini.



SETIAUSAHA Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus menyampaikan sumbangan duit raya kepada kanak-kanak yang menjadi tetamu khas di majlis rumah terbuka Aidilfitri beliau di sini baru-baru ini.



# Unit PPR, lawatan tapak berjalan lancar

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**SUNGAI PINANG –** Kerajaan Negeri menyasarkan untuk memiliki lebih 2,000 unit di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) baharu dekat lokasi strategik di pusat bandar bahagian pulau sekiranya penilaian ke atas tapak dicadangkan berjalan lancar.

Perkara tersebut dimaklumkan Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo ketika melakukan lawatan teknikal ke tapak PPR dekat Jelutong bersama-sama wakil daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Jagdeep berkata, meskipun usahanya dan mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng untuk memohon pembinaan lebih banyak PPR di Pulau Pinang sebelum ini menemui usaha gagal, tapi kini beliau bersyukur apabila kesinambungan hasrat tersebut bakal terlaksana setelah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin bersetuju untuk melihat kembali cadangan berkaitan.

"Buat julung kalinya, lawatan teknikal oleh KPKT kali ini berjalan lancar setelah sesi dirancang sebelum ini untuk melihat kesesuaian tapak di sini dibatalkan.

"Pertemuan di antara KPKT, Bahagian Perumahan (Pejabat Setiausaha) Kerajaan Negeri dan beberapa agensi Kerajaan Negeri baru-baru ini merupakan simbol penting kepada kerjasama erat untuk menyediakan lebih banyak unit PPR di negeri ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada sesi lawatan berkenaan di sini.

Hadir sama, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim, wakil-wakil KPKT dan Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Mengulas lanjut, Jagdeep menyatakan bahawa sekiranya proses penilaian tanah tersebut berjalan lancar, lebih 2,000 unit PPR dapat dibangunkan di atas dua bidang tanah iaitu di Lot 10042 dan 10043 dekat Jelutong dengan nilai keluasan keseluruhan sebanyak lapan ekar.



**JAGDEEP Singh Deo (empat dari kiri) meneliti pelan tapak cadangan pembangunan PPR dekat Jelutong sambil ditemani Lim Siew Khim (dua dari kiri) serta wakil-wakil daripada KPKT dan Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.**

"2,000 unit PPR ini akan berada di lokasi strategik, di tengah-tengah pusat bandar bahagian pulau, Pulau Pinang.

"Sekiranya usaha ini dijalankan lebih awal oleh Kerajaan Persekutuan terdahulu, mungkin pada hari ini, sudah ada 2,000 keluarga berpendapatan rendah mempunyai rumah untuk didiami di sini kini," jelasnya sambil menegaskan bahawa objektif utama projek di bawah kelolaan Kerajaan Persekutuan tersebut adalah bagi menyediakan perumahan untuk keluarga-keluarga kurang mampu.

Mengikut data, Jagdeep memberitahu, Pulau Pinang hanya memiliki 999 unit PPR sahaja berbanding 110,000 di seluruh Malaysia.

"Angka ini diberikan (mantan) Menteri kepada saudara Guan Eng, dan (angka) ini menunjukkan bahawa Pulau Pinang merupakan negeri paling kecil mempunyai unit PPR di dalam Malaysia.

"Sehubungan itulah, saya dan Guan Eng berusaha bertemu menteri berkaitan pada Februari 2017, dan beliau pada ketika itu bersetuju untuk membina PPR di Pulau Pinang sekiranya Kerajaan Negeri dapat mengenal pasti tapak bersesuaian.

"Surat turut diutuskan (oleh mantan Ketua Menteri) bertarikh 17 Mac 2017 dan 20 April 2017 berhubung dua bidang tapak yang telah dikenal pasti.

"Malangnya, lawatan wakil KPKT yang pada asalnya dijadualkan pada 9 Oktober (2017) telah dibatalkan sama sekali dan usaha Kerajaan Negeri ketika itu menemui kegagalan," katanya.

## Pengharaman penyedut plastik, cawan minum polistirena yakin dapat sokongan rakyat - KM

**SUNGAI PINANG -** Program PlogClean yang dilancarkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) merupakan kesinambungan kepada inisiatif Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat yang telah dilaksanakan selama ini dalam membudayakan generasi cintakan kebersihan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, PlogClean merupakan sebahagian usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri lebih bersih.

"Jika 10 tahun lalu, mantan Ketua Menteri telah mengenal pasti isu kebersihan untuk ditangani demi menangkis gelaran 'Pulau Pinang Darul Sampah' yang pernah diberikan satu ketika dulu, tetapi kini negeri ini berupaya menjadi sebuah bandar lebih bersih dan mendapat pengiktirafan.

"Melalui usaha berterusan selama 10 tahun, ia telah membolehkan kita (Pulau Pinang) melangkah ke hadapan.

"Maka usaha ini bukan tamat di sini sahaja, tetapi ia merupakan permulaan baharu bagi mencapai kualiti hidup yang lebih baik, dan usaha ini perlu dilaksanakan secara konsisten serta berterusan," ucapnya pada Majlis Pelancaran PlogClean Peringkat Negeri Pulau Pinang dekat Persiaran Karpal Singh di sini 24 Jun lalu.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo, Dato' Abdul Halim Hussain (Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan), Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar MBPP) dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Pada penganjuran berkaitan, seramai lebih 200 sukarelawan terdiri daripada persatuan, badan bukan kerajaan (NGO), orang awam dan kakitangan MBPP meluangkan masa seawal jam 8 pagi melakukan pembersihan di sepanjang pesisir pantai Persiaran Karpal Singh.

Sebanyak 500 kilogram sampah berjaya dikutip baru-baru ini.

Mengulas lanjut mengenai kempen terbaru tersebut, Kon Yeow memberitahu, cadangan MBPP untuk mengharamkan penggunaan penyedut plastik *(straw)* dan cawan minum polistirena perlu diteruskan tanpa bertagak-tagak.

"Jika cadangan ini perlu, laksanakannya sahaja demi kebaikan semua dan juga bumi ini.



**SEBAHAGIAN kakitangan MBPP yang mengambil bahagian dalam penganjuran Majlis Pelancaran PlogClean Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

"Kita (Kerajaan Negeri) yakin mendapat sokongan rakyat atas apa sahaja usaha baik yang dilakukan berdasarkan sokongan yang diperoleh pada Pilihan Raya Umum (PRU) lalu," ujarnya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Mengulas mengenai isu tersebut, Tung Seang ketika ditanya menyatakan bahawa beliau kini sedang berbincang dan meneliti perkara tersebut bersama-sama Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

"MBPP sedang berusaha dan sememangnya komited menjadikan Pulau Pinang lebih Bersih, Hijau, Sihat, Selamat dan Ceria," jelasnya.

# Cadang kenalkan semula Skim RTO bantu golongan berpendapatan rendah

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk memperkenalkan semula Skim Rent-to-Own (RTO) atau Sewa Milik dalam membantu golongan berpendapatan rendah di negeri ini memiliki rumah.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, perkara itu telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri baru-baru ini dan tiga projek perumahan dikenal pasti sebagai sesuai untuk pelaksanaan Skim RTO.

Menurut Kon Yeow, masih terdapat golongan yang tidak mampu untuk memiliki rumah meskipun dijual pada harga RM42,000 bagi kos rendah dan RM72,500 (kos sederhana rendah).

"Kita (Kerajaan Negeri) mahu mengambil pendekatan baharu dan akan melihat isu ini (Skim RTO) dengan lebih lanjut.

"Misalnya, penyewa boleh membayar sewaan mereka, katakan antara 20 hingga 25 tahun, dan itu akan diambil kira sebagai pembayaran ansuran sebelum boleh memiliki rumah.

"Walau bagaimanapun, mereka (penyewa) perlu membayar sewaan mereka mengikut tempoh waktu yang ditetapkan tanpa tunggakan," katanya sejurus mengadakan lawatan kerja ke Flat Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di Lebuh Ah Quee dekat sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Datuk Bandar MBPP, Ar. Yew Tung Seang dan Ahli Majlis MBPP, Wong Yuee Harng.

Ditanya mengenai tiga projek perumahan yang dikenal pasti, Kon Yeow berkata, salah satunya terletak di Mak Mandin, Seberang Perai.

Menurut beliau, Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri akan mengeluarkan garis panduan, kriteria serta mekanisme untuk pelaksanaan Skim RTO.

"Unit-unit yang akan ditawarkan untuk Skim RTO ini akan melibatkan projek di bawah Bahagian Perumahan Negeri dan juga PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang).



KETUA Menteri melambai kepada salah seorang penduduk Flat MBPP Lebuh Ah Quee pada lawatannya di sini baru-baru ini.

"Apabila dasar baharu dilaksanakan nanti, Kerajaan Negeri akan membantu untuk proses pertukaran.

"(Dan) sekiranya pihak pemaju boleh menjual unit ini pada harga kos, maka Kerajaan Negeri boleh menawarkan unit ini kepada mereka yang layak di bawah polisi Skim RTO," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Pada sesi lawatan kerja itu, Kon Yeow memberitahu bahawa pihak MBPP dalam perancangan untuk menggantikan bumbung di dua blok flat berkenaan pada kos RM500,000.

## Kaji kekangan perundangan demi laksana pilihan raya PBT, respons Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, pihaknya akan mengkaji semula kaedah demi merealisasikan hasrat mengadakan pilihan raya bagi kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) di Pulau Pinang.

"Kita akan kaji apakah langkah seterusnya, kerana telah ada keputusan mahkamah.

"Kita akan melihat daripada aspek (kekangan) perundangan terlebih dahulu," jelasnya dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini 27 Jun lalu.

Menurut Jagdeep, Mahkamah Persekutuan pada Ogos 2014 menolak permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan bekas Presiden Aliran, P. Ramakrishnan untuk mengadakan pilihan raya PBT di negeri itu.

Katanya, kedua-dua pihak memfailkan petisyen bagi memohon untuk mengadakan semula pilihan raya kerajaan tempatan yang dimansuhkan pada 1 Mac 1965, susulan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang meluluskan Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (Pulau Pinang dan Province Wellesley) pada 2012.

Tambah Jagdeep, Mahkamah Persekutuan memutuskan Pihak Berkuasa Negeri tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan dan tidak boleh secara sebelah pihak mengecualikan pemakaian Seksyen 15 Akta Kerajaan Tempatan 1976 kepada seluruh Pulau Pinang.



JAGDEEP Singh Deo.

Difahamkan, Seksyen 15 memansuhkan hak badan perundangan negeri untuk mengadakan pemilihan kerajaan tempatan di negeri-negeri.

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep memberitahu bahawa Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin juga baru-baru ini turut menyatakan hasrat untuk mengadakan semula pilihan raya peringkat PBT yang dijangka dalam tempoh tiga tahun lagi.

"Sebenarnya Pulau Pinang telahpun menyatakan hasrat kepada (Kerajaan Persekutuan di) Putrajaya untuk mengadakan bengkel dalam isu ini," responsnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.



# Kegembiraan, keceriaan budaya perkongsian diharap berkekalan selama-lamanya

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA -** Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang penuh meriah dilihat sebagai lambang keutuhan dan keakraban perpaduan rakyat di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, majlis berkenaan juga menjadi wadah bagi memupuk sikap saling memahami, hormat-menghormati dan bertolak ansur antara masyarakat.

"Pada hari ini, saya melihat seluruh warga penduduk di negeri ini bersatu hati dan membentuk kerjasama yang erat antara pelbagai kaum dan bangsa.

"Ini menunjukkan bahawa segala dasar dan transformasi Kerajaan Negeri selama ini telah berjaya membawa satu lonjakan baru dalam membentuk kepercayaan, kesinambungan dan keluhuran dalam memperkukuhkan hubungan antara kaum.

"Oleh itu, kita perlu terus kekalkan semangat muhibah dan permuafakatan antara masyarakat kerana saya yakin inilah yang akan menjadi tunjang kekuatan kita untuk terus hidup dalam suasana makmur," ucapnya pada majlis berkenaan dekat Dewan SP Arena di sini 26 Jun lalu.



**TUN Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri sebagai tetamu khas pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Hadir sebagai tetamu kehormat, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri.

Turut sama memeriahkan majlis, Speaker Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang dan isteri; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy serta barisan Exco Kerajaan Negeri.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli-Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang; Konsul-Konsul dan Konsul Kehormat; Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan turut hadir.

Selain menyediakan pelbagai juadah popular di negeri ini, hadirin juga dihiburkan dengan persembahan nyanyian serta tarian tradisional masyarakat Melayu, Cina dan India daripada kumpulan Kebudayaan Negeri Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota berkata, di Pulau Pinang, budaya perkongsian dan muafakat perlu diamalkan bukan hanya dalam konteks perkongsian perayaan malah juga dalam setiap amalan kehidupan seharian.

"Kegembiraan dan keceriaan pada hari ini diharap tidak akan terpadam, sebaliknya berkekalan selama-lamanya.

"Jika ianya dicapai, maka kita akan melihat Pulau Pinang pada masa akan datang mempunyai masyarakat yang bersatu-padu dan bersama-sama Kerajaan Negeri untuk membangunkan negeri yang tercinta ini," ujarnya sambil turut berkongsi pengalaman berbuka puasa bersama-sama masyarakat Islam sepanjang Ramadan lalu.

# Jamuan Aidilfitri MPSP @ Butterworth Artwalk serlahkan imej 'Penang Cun'

**BAGAN DALAM -** Persembahan wayang kulit, gamelan, pencak silat, tarian kebudayaan dan muzikal tradisional Melayu menyerlahkan lagi simbol 'Penang Cun' dalam Majlis Jamuan Rakyat Aidilfitri Pulau Pinang 2018 Dan Program Syawal Seni @ Butterworth Artwalk di sini.

Ketika berucap, Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin berkata, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang melalui *Penang Global Tourism* (PGT) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan teruskan usaha menjadikan Butterworth sebagai destinasi pelancongan pilihan agar setanding dengan George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO.

"Program-program besar yang kita anjurkan sebelum ini di Seberang Perai telah mendapat sambutan memberangsangkan.

"Oleh itu, berhiburlah bersama-sama keluarga dan rakan taulan sempena perayaan Aidilfitri di Pulau Pinang ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong ketika merasmikan keraian tersebut pada 30 Jun lalu.

Beliau begitu gembira kerana 24 gerai pameran yang menyajikan pelbagai juadah menarik, menyerlahkan lagi imej Pulau Pinang sebagai 'syurga makanan' dunia.

Sebelum itu, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu, antara program menarik pada penganjuran berkaitan adalah acara gotong-royong mengacau dodol dan membuat ketupat nasi kendalian Ahli Jawatankuasa Surau Istiqlal.



**YEOH Soon Hin (berbatik biru) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri beramah-mesra dengan sebahagian pengunjung Majlis Jamuan Rakyat Aidilfitri Pulau Pinang 2018 Dan Program Syawal Seni @ Butterworth Artwalk di sini baru-baru ini.**

Selain itu, tambah Soon Hin, di perkarangan Pekan Lama Butterworth turut dilangsungkan pertandingan mural dan *'installation'*, Peraduan Baju Sedondon Aidilfitri, sesi penjurian *'Butterworth Open Art Competition 2018'*, Persembahan Kebudayaan Khas Syawal Seni oleh para pelajar Sekolah Menengah Convent Butterworth dan cabutan bertuah Bonanza Raya.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Rozali menyatakan bahawa pertandingan mural terbuka dengan pengindahan lorong sisi antara Lorong Bagan Luar 1 dan 3, yang dikenali sebagai *'Butterworth Artwalk'* merupakan salah satu pengisian Program Butterworth Baharu serta selaras dengan Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022.

Turut hadir memeriahkan sambutan berkaitan, ADUN Sungai Puyu merangkap Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, ADUN Bagan Dalam, M. Satees dan beberapa Ahli Majlis bagi MPSP.

PGT, Think City Sdn. Bhd., Zart Eventine, My CO2 Sdn. Bhd. merupakan antara rakan kerjasama strategik kepada MPSP dalam penganjuran temasya ini.

# PENBAR, rancang warta seluruh negeri sebagai kawasan larangan merokok dalam tempoh lima tahun kelak

**SEBERANG JAYA –** Kerajaan Negeri menerusi Program Pulau Pinang Bebas Asap Rokok (PENBAR) dalam perancangan untuk mewartakan seluruh negeri sebagai kawasan larangan merokok dalam tempoh lima tahun akan datang.

Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin berkata, langkah itu adalah salah satu daripada usaha murni Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pertama yang bebas daripada pencemaran asap rokok di negara ini.

"Untuk penggal akan datang, kita (Kerajaan Negeri) perlu perluaskan lagi kawasan bebas asap rokok kerana wawasan kita (Kerajaan Negeri) adalah mahu melihat seluruh negeri ini diisytihar sebagai kawasan bebas asap rokok.

"Kita bukan hendak sekat sesiapa daripada merokok, sebaliknya mereka (perokok) boleh menghisap rokok di kawasan yang dikhaskan dan bukan di kawasan orang ramai.

"Mereka harus menghormati hak individu lain dan masyarakat untuk menikmati udara yang bersih dan bebas asap rokok," katanya ketika ditemui pemberita di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri Pulau Pinang dekat Dewan SP Arena di sini 26 Jun lalu.

Tambah Afif, Kerajaan Negeri juga telah mewartakan beberapa kawasan seperti enam taman awam dan Tapak Warisan Dunia George Town yang diisytiharkan sebagai kawasan larangan merokok.

"Kita (Kerajaan Negeri) nak ubah budaya merokok ini, dan yang paling penting kita (Kerajaan Negeri) nak kurangkan toleransi masyarakat terhadap perokok kerana sebelum ini masyarakat kita sangat bertoleransi tehadap golongan ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) juga mahu ubah pandangan masyarakat terhadap perokok, dan oleh sebab itu saya berdoa agar dalam tempoh lima tahun akan datang, Pulau Pinang akan menjadi negeri pertama yang bebas daripada pencemaran asap rokok di negara ini," ujarnya sambil menzahirkan ucapan penghargaan kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang menyokong usaha untuk memperluaskan lagi kawasan larangan merokok di negeri ini.

# Perubahan politik 9 Mei diharap tanam budaya sihat, perpaduan bukan hanya laungan sebaliknya direalisasikan

**SERI DELIMA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap semangat perpaduan antara kaum bukan hanya menjadi laungan semata-mata, sebaliknya perlu direalisasikan semua bangsa, kaum dan agama di Malaysia kita.

Mengambil contoh majlis berbuka puasa dan sambutan rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri, menurut beliau, dua acara berkaitan merupakan suatu aktiviti sihat yang dilihat dapat memupuk perpaduan serta muhibah antara kaum, bangsa dan agama di negara ini.

"Malaysia memang pernah ada masalah perpaduan dengan beberapa peristiwa beberapa dekad lalu selepas merdeka.

"Justeru, kita berharap dengan perubahan politik pada 9 Mei lalu, kita akan dapat membuka suatu budaya sihat yang mana perpaduan bukan hanya menjadi laungan, sebaliknya dapat direalisasikan sama ada di peringkat atas mahupun akar umbi.



CHOW Kon Yeow (kiri sekali), Syerleena Abd. Rashid (kanan sekali) bergambar dengan barisan jemputan khas Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Seri Delima dan Parlimen Bukit Gelugor di sini baru-baru ini.

"Maka, semangat perpaduan ini dapat mengatasi percanggahan budaya dan agama di Malaysia," ucapnya pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Delima dan Parlimen Bukit Gelugor di sini 24 Jun lalu.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid; Ahli Parlimen Bukit Gelugor Ramkarpal Singh; pemimpin-pemimpin tempatan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Gelugor.

Majlis yang diadakan sejak petang hari berkenaan difahamkan turut dimeriahkan dengan kehadiran kira-kira 3,000 tetamu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow mengingatkan pemimpin Pakatan Harapan (PH) untuk bekerja keras menunaikan janji kepada rakyat sejurus tamat PRU14 lalu.

Pada jamuan tersebut, pelbagai juadah menarik disediakan seperti kambing golek, nasi minyak, murtabak, ais kacang laksa, kuih raya dan juadah-juadah tradisi.

## Jadikan Pulau Pinang sebagai hab pengeluaran dan pembekalan benih negara, saran Exco

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**MACHANG BUBOK -** Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin menyarankan agar Pulau Pinang dijadikan sebagai hab pengeluaran dan pembekalan benih dalam negara.

Saranan itu dibuat beliau susulan kenyataan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Salahuddin Ayub yang mahu melihat cara untuk menghasilkan benih-benih yang baik dan berkualiti di Malaysia.

Jelas Afif, walaupun Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang kecil, tetapi negeri ini mempunyai logistik yang baik bagi tujuan berkenaan.

Tambahnya, kemudahan yang terdapat di negeri ini seperti pelabuhan dan lapangan terbang membolehkan urusan penghantaran, logistik dan pengangkutan dapat dijalankan dengan mudah.

"Antara isu besar dan penting yang kita hadapi sekarang adalah berkaitan bekalan anak benih dan makanan haiwan yang merupakan isu penting untuk keseluruhan industri pertanian.

"Di Pulau Pinang, kita ada logistik yang baik dan banyak PKS (perusahaan kecil dan sederhana). Kita juga ada banyak kemudahan untuk menjalankan penyelidikan, kilang-kilang serta kawasan industri.

"Malah, saya difahamkan sudah ada pelabur telah masuk dan membangunkan makmal penyelidikan mereka untuk penghasilan benih di negeri ini," ujarnya pada program Hari Bertemu Pelanggan dan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang di sini 28 Jun lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubok, Lee Khai Loon; Dr. Norlela Ariffin (ADUN Penanti); Goh Choon Aik (ADUN Bukit Tambun); Pengarah Pertanian Pulau Pinang, Rozaidi Abdul Rahman; Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah, Ali Sebran dan lain-lain.

Mengulas lanjut, Afif menyatakan, bagi merealisasikan hasrat berkenaan, Kerajaan Negeri perlu mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui peruntukan dana besar atau geran bagi projek berskala besar yang boleh dibawa ke negeri ini.

"Bukan itu sahaja, kedudukan Pulau Pinang yang strategik iaitu bukan sahaja berdekatan dengan Thailand dan Indonesia malah juga bersempadan dengan negeri-negeri pertanian seperti Kedah yang mempunyai banyak jelapang padi adalah amat bersesuaian.

"Namun, untuk bekalkan padi memang sukar, tapi untuk bekalkan benih, kita (Pulau Pinang) mampu kerana kita (Pulau Pinang) ada infrastruktur yang baik, dan kita (Pulau Pinang) ada kelompok petani-petani yang berpengetahuan tinggi serta lebih terbuka untuk laksanakan program-program ini.

"Oleh itu, saya galakkan jika Menteri (Pertanian) setuju untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pengeluaran benih untuk negara ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.




DR. Afif Bahardin (empat dari kiri), Rozaidi Abdul Rahman (lima dari kiri) bergambar kenangan dengan sebahagian usahawan-usahawan yang terlibat di dalam bidang pertanian, penternakan serta perikanan pada program Hari Bertemu Pelanggan dan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



# Tingkatkan pengeluaran padi, sasar 7 tan sehektar

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BERTAM** - Jabatan Pertanian Negeri percaya bahawa Kempen Pengeluaran Padi 7 Tan Sehektar di Pulau Pinang mampu dicapai pada tahun ini, kata Timbalan Pengarahnya Shabani Ismail.

"Sesetengah orang kata susah nak capai (pengeluaran padi tujuh tan sehektar), tapi sebenarnya kita (Jabatan Pertanian Negeri) telah buat di petak-petak demo kita, dengan teknologi yang bersangkut-paut dengan organik, menunjukkan hasil yang tinggi.

"Sekarang ini, hasil padi sebanyak 5.84 tan sehektar," ujarnya pada Majlis Sambutan Hari Pelanggan dan Hari Ladang Peringkat Daerah dekat Pejabat Pertanian Seberang Perai Utara (SPU) di sini 25 Jun 2018.

Justeru, tambah Shabani, Bahagian Pengembangan di Jabatan Pertanian Negeri senantiasa mencari jalan untuk membantu para petani meningkatkan hasil pengeluaran padi masing-masing.

"Banyak cabaran perlu kita perkukuhkan...perlu melaksanakan khidmat untuk menyatukan para petani dalam sektor padi.

"Kalau petani tak bersatu, penanaman padi tak boleh buat dengan baik, dan hasil akan berkurangan," jelasnya.

Turut berucap, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bertam, Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq mewakili Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin.

Hadir sama, Ustaz Muhasdey Muhamad, iaitu Pegawai Khas Kepada Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.



KHALIQ Mehtab Mohd. Ishaq (dua dari kanan) mengambil bahagian dalam salah satu demonstrasi pada Majlis Sambutan Hari Pelanggan dan Hari Ladang Peringkat Daerah SPU di sini baru-baru ini.






## Pindaan akta perlu bagi tangani isu sewa KR, KSR kepada pihak ketiga dan warga asing – Exco

**GEORGE TOWN** - Akta Pemajuan Perumahan perlu dipinda, dengan menyebut secara terperinci bahawa unit kediaman kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR) tidak boleh disewakan kepada pihak ketiga.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata demikian ketika mengulas laporan berita mengenai Persatuan Komuniti Cassia Barat yang mendesak campur tangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam isu warga asing tinggal di kawasan perumahan mereka.

"Sebenarnya, untuk perumahan kos rendah dan sederhana rendah, ia sepatutnya dihuni pemilik...jangan sebut warga asing, walaupun orang tempatan pun tidak boleh (kalau mereka) adalah pihak ketiga.

"Tapi, kita lihat begitu banyak rumah kos rendah dan kos sederhana rendah disewakan kepada pihak ketiga.

"(Masalah) ini, telah saya lihat daripada segi undang-undang, dan saya lihat perlu satu pindaan dibuat pada Akta Pemajuan Perumahan," jelasnya sambil menunjukkan salinan keratan akhbar Sinar Harian bertarikh 10 Jun lalu berhubung isu berbangkit itu, dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Jagdeep mempengerusikan mesyuarat di pejabat Bahagian Kerajaan Tempatan di sini.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu, beliau sendiri telahpun mengutarakan syor pindaan pada akta berwajib, dalam pertemuan dengan Menteri kementerian berkaitan, Zuraida Kamaruddin 4 Jun lepas.

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang setakat ini telah meluluskan empat projek asrama pekerja meliputi bahagian Seberang Perai dan pulau, yang terdiri daripada 2,026 bilik serta mampu menempatkan 21,280 pekerja.

"Asalnya, Garis Panduan Khas Asrama Pekerja Asing telah saya buat pada tahun 2015, apabila kita berbincang, mantan Ketua Menteri Saudara Lim Guan Eng berpendapat kita (Kerajaan Negeri) harus buka kepada semua pekerja, termasuk pekerja tempatan.

"(Asrama Pekerja) ini penting, sementara kita (Kerajaan Negeri) nak menangani masalah sosial membabitkan warga asing tinggal di dalam skim perumahan (KR dan KSR), kita akan memberi keutamaan kepada pembangunan projek asrama-asrama pekerja ini," jelasnya.

# Jagdeep syor wujudkan KPI ukur prestasi Exco laksana 68 ikrar Manifesto

**BATU LANCANG –** Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menyuarakan supaya mewujudkan indeks petunjuk prestasi (KPI) bagi memudahkan rakyat mengukur prestasi barisan Exco Kerajaan Negeri dalam melaksanakan 68 ikrar yang terkandung dalam Manifesto Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) 9 Mei lepas.

Katanya, langkah sebegitu membolehkan Kerajaan Negeri menghantar mesej perubahan yang lebih jelas kepada rakyat Malaysia terutama di negeri Pulau Pinang ini.

"Walaupun tidak ada garis masa, kita perlu bekerja keras untuk mencapai banyak perkara dalam masa terdekat.

"Kami mesti menghantar dengan segera dan sudah tentu dengan kualiti yang baik.

"(KPI) ini untuk memantau apa yang telah dilakukan dan apa yang perlu dilakukan," jelas Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada 28 Jun lalu.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis meraikan ulang tahun ke-78 ayahnya, mendiang Karpal Singh atau bergelar 'Harimau Jelutong' di rumah orang-orang tua, *Little Sisters of the Poor* dekat Jalan Batu Lancang di sini.

Perlu ada suatu sistem piawaian untuk memantau semua tahap pencapaian semua Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan dalam merealisasikan 68 janji Manifesto PRU14, tegas Jagdeep.

Dalam pada itu, beliau menyatakan bahawa keraian tahunan itu telah dianjurkan sejak 20 tahun lagi.

"Sudah menjadi tradisi keluarga mengadakan jamuan tengah hari dengan kek hari jadi, dan kami meneruskan tradisi ini yang telah kami amalkan sejak 20 tahun lalu.

"Sungguh menyedihkan apabila mendiang tidak dapat berada di sini menyaksikan perubahan yang beliau rintis sepanjang hidupnya, tetapi saya yakin di atas sana wajahnya senyum apabila melihat kita di bawah ini," jelasnya di depan kira-kira 70 hadirin.

Berucap pada majlis sama, adik bongsu Jagdeep, Mankarpal Singh, 31, turut melahirkan rasa sebak kerana mendiang ayahnya tidak berpeluang menyaksikan penubuhan peralihan kepemimpinan di peringkat Kerajaan Persekutuan pasca PRU14 lalu.

"Karpal adalah seorang ahli politik veteran bersama-sama (Penasihat DAP) Lim Kit Siang, juga Tun Dr. Mahathir Mohamad (Perdana Menteri Ketujuh Malaysia) yang telah membuka jalan perubahan pada PRU lepas," katanya.




## Ketua Menteri terima kujungan hormat kepimpinan FAP

**KUNJUNGAN HORMAT...** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow baru-baru ini menerima kunjungan hormat Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) ke pejabatnya di sini.

Dalam pertemuan tersebut, FAP diwakili Timbalan Presidennya merangkap Pemegang Amanah Persatuan, Datuk Abdul Rashid Ismail; Naib Presiden FAP, Azizuddin Shariff dan Setiausaha Kehormat, Salim Mohd. Yassin.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Exco Perdagangan Dalam Negeri & Antarabangsa, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain dan Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng turut serta dalam pertemuan berkaitan.

Sejurus tamat perbincangan, wakil-wakil FAP turut menyampaikan jersi Pulau Pinang yang tertera nama Kon Yeow dengan nombor 11.




**ABDUL Rashid Ismail (kiri sekali) menyampaikan jersi Pulau Pinang yang tertera nama Ketua Menteri dengan nombor 11 sempena kunjungan hormat pertubuhan berkaitan di sini baru-baru ini.**

# PIA hampir capai kapasiti maksimum 6.5 juta penumpang, pelan pembesaran tidak wajar ditangguh lagi - Exco

**GEORGE TOWN –** Exco Pembangunan Pelancongan dan Warisan, Kebudayaan & Kesenian, Yeoh Soon Hin mengumumkan bahawa kapasiti penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) mencapai 3,075,643 orang bagi tempoh bulan Januari hingga Mei 2018.

Jumlah itu, katanya, melibatkan peningkatan sebanyak 5.77 peratus berbanding tempoh sama tahun lepas.

"Daripada jumlah itu, 1,525,665 penumpang, iaitu 682,228 penumpang adalah dari luar negara dan penumpang domestik (843,437) .

"Peningkatan ini adalah bersamaan dengan 15.39 peratus bagi ketibaan antarabangsa dan 0.26 peratus untuk ketibaan domestik berbanding tahun lalu," ujar Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi Paya Terubong itu pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Soon Hin, PIA kini hampir mencapai kapasiti maksimum 6.5 juta penumpang dan pelan pembesaran tidak seharusnya ditangguh lagi.

"Saya berharap Kerajaan Persekutuan meluluskan segera cadangan menaik taraf dan pembesaran PIA seperti yang dirancang sebelum ini.

"Hal ini (pembesaran) perlu kerana lebih banyak penerbangan secara terus akan ditambah dari semasa ke semasa, dan yang terdekat adalah laluan dari Hanoi, Vietnam dan Phuket, Thailand bermula 1 Julai lalu," jelasnya yang turut membayangkan untuk memperluaskan pasaran pelancongan perubatan ke negara-negara Indo-China selain Indonesia.



YEOH Soon Hin.

# Aidilfitri 'perayaan rakyat', semarak keharmonian kaum

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SITI NOOR NABILAH NOORAZIS**

**JAWI -** Hampir 5,000 penduduk tempatan berbilang kaum menyertai Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Dan Majlis Perasmian Pembukaan Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye.

Ketika berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, beliau menganggap keraian Aidilfitri oleh umat Islam setelah berpuasa dalam bulan Ramadan sebagai 'perayaan rakyat' yang menyemarak keharmonian kaum.

"Saya berharap penganjuran majlis-majlis bagi meraikan perayaan rakyat mesti diteruskan kerana ia akan menyemarakkan perpaduan penduduk serta semangat toleransi dalam kalangan rakyat berbilang kaum," jelasnya di tanah lapang dekat Lorong Bukit Panchor 2, Nibong Tebal pada 28 Jun lalu.

Kon Yeow dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada semua pengundi berdaftar kerana dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 pada 9 Mei lepas bukan sahaja mempertahan kemenangan Pakatan Harapan di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen, bahkan menyumbang kepada penubuhan Kerajaan Persekutuan baru di bawah Perdana Menteri Ke-7 Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Acara pertunjukan bunga api merupakan antara program menarik dalam 'perayaan rakyat' tersebut.



**SEBAHAGIAN penduduk yang turut meraikan penganjuran Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Dan Majlis Perasmian Pembukaan Pusat Khidmat ADUN Jawi di sini baru-baru ini.**



Penang Future Foundation

*Open to all eligible Malaysian students***

# 2018 SCHOLARSHIP

*for undergraduate studies in Malaysia*



## You may apply for either:

**PENANG SCHOLAR**
- *Minimum CGPA 3.67*
- *Household income not more than RM15,000 per month*

**or**

**MUTIARA SCHOLAR**
- *Minimum CGPA 3.00*
- *Household income not more than RM5,000 per month*

## Sponsored Courses

*MQA fully-accredited courses in Science*, Technology, Engineering, Mathematics (STEM), Accountancy and Finance.* (*excludes Medicine)

\+

*Upon completion of study, the scholars are bound to work in Penang in any organisation of their choice.*

*Online Application Date* from **1 June 2018** to **21 June 2018**

*Further Details* **www.penangfuturefoundation.my**

*Contact Us* **info@penangfuturefoundation.my**

*** TERMS AND CONDITIONS APPLY*

# Aidilfitri kukuhkan persahabatan, lupakan perbezaan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD DAUD**

**PANTAI JEREJAK -** Mengambil kesempatan bulan Syawal yang mulia ini, sebaik mungkin hubungan silaturahim yang sedia terjalin dipereratkan lagi.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, perayaan Aidilfitri seharusnya dijadikan peluang untuk melupakan perbezaan, saling bermaaf-maafan dan mengukuhkan persahabatan sedia terjalin.

"Aidilfitri ini merupakan kesempatan terbaik untuk melupakan semua perselisihan dan perbezaan, seterusnya mengukuhkan kerjasama di antara satu sama lain.

"Ambil peluang ini untuk saling bermaaf-maafan dan eratkan persahabatan yang sedia terjalin," ujarnya yang kemudiannya mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun pada Majlis Makan Malam Silaturahim Hari Raya Aidilfitri anjuran Persatuan Melayu Pulau Pinang (Pemenang) di sini 26 Jun lalu.

Hadir sebagai tetamu kehormat ialah Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain, Dr. Afif Bahardin (Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar), Dato' Ghazali Deraman (Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri) dan Tan Sri Mohd. Yussof Latiff (Presiden Pemenang) turut hadir.

Serentak itu, majlis tersebut turut meraikan lebih 100 anak-anak yatim daripada pelbagai pertubuhan di Pulau Pinang.



**PARA pengunjung tidak melepaskan peluang *berwefie* dengan Ketua Menteri pada Majlis Makan Malam Silaturahim Hari Raya Aidilfitri Pemenang di sini baru-baru ini.**

# NCD, Pasukan Sukarelawan Kesihatan dibentuk

**GEORGE TOWN –** Sekumpulan Pasukan Sukarelawan Kesihatan (Pasukan Rujuk) dalam warga kerja Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) dan Pejabat-pejabat Exco dibentuk ke arah pelaksanaan dasar persekitaran hidup sihat bagi menangani peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD).

Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin ketika menyempurnakan majlis perasmian program berkenaan berkata, penyakit NCD merupakan penyumbang utama kepada kematian, dan trend penyakit tersebut akan terus meningkat sekiranya langkah pencegahan penyakit kronik tersebut tidak dilaksanakan lebih awal.

"Langkah pencegahan ini harus bermula daripada pihak pengurusan iaitu pejabat kerajaan.

| 11569 | SITI NOORAZIZAH BT MANSOOR - 71020207**** KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA PETALING JAYA, NO. 12 JLN TEMPLER 46000 PETALING JAYA, SELANGOR | AHMAD ZULKIFLE BIN HJ MOHD ZAIN - T374*** 27 JALAN SUNGAI ARA 2, TAMAN SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG | MOHD AZLIN BIN MANSOR - 76080407**** 27 JALAN SUNGAI ARA 2, TAMAN SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG |
| 11571 | SITI SHAFIQAH BINTI ARIS - 90112207**** NO. 23 LORONG 40, TAMAN PUTERI GUNUNG 14120 SIMPANG AMPAT, SPS | MASHITAH BINTI ARIS - 82120602**** A-T04-U06, 5R4 , JALAN P5A/5, PRESINT 5, 62200 PUTRAJAYA | MUNIRAH ATIRAH BINTI ARIS - 84040902**** NO.23 LORONG 40, TAMAN PUTERI GUNUNG 14120 SIMPANG AMPAT, SPS |
| 11572 | SITI ZULAIHA BINTI MOHAMAD - 91042702**** NO.4083 PADANG CHEMPEDAK 13310 TASEK GELUGOR, SPU | SALWAHANIM BINTI MOHAMAD - 77072307**** 1750 LORONG 8/5, TAMAN SERAI WANGI 2, 09400 PADANG SERAI, KEDAH | IZHAM HANIFF BIN IBRAHIM - 76101507**** NO.883 PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA |
| 11573 | PAVITHIRA A/P THENGAMANI - 91110307**** E2-12-11 TELUK INDAH, BANDAR PERAI JAYA 2, 13600 PERAI | THENGAMONY A/L VELLOO - 58121308**** BLOK E2-12-11 TELUK INDAH, BANDAR PERAI JAYA 2, 13700 PERAI | KUMAR A/L MUNIANDY - 74102408**** BLOK A-2-03 LORONG WIDURI 1, WIDURI APARTMENT 12200 BUTTERWORTH |
| 11574 | SHANGKHAREE A/P NADARAJAN - 89120707**** NO. 16 LORONG KIKIK 8, TAMAN INDERAWASIH 13700 PERAI | USHA DEVI A/P MUNIANDY - 55070607**** NO. 16 LORONG KIKIK 8, TAMAN INDERAWASIH, 13700 PERAI | DEEPAK RAJ SINGH A/L LETCHUMANANA SINGH - 85020102**** NO.189 KAMPUNG JURU, JURU, 14100 BUKIT MERTAJAM |
| 11576 | MOASHIMAN A/L CHANDRA - 86112535**** 60 LINTANG SEMBILANG, SEBERANG JAYA 13700 PERAI | MOHD NAZLAN BIN NAYAN - 72111204**** NO.26 LORONG 26, TAMAN INTAN CEMPAKA 14100 BATU KAWAN, SPS | MOHD IZMIR BIN MOHD JAMAL - 61030307**** NO. 62 A LORONG MERBAU INDAH 8, TAMAN MERBAU INDAH, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH |

# Penerbangan terus Hanoi dan Phuket rancakkan lagi sektor pelancongan, ekonomi negeri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**BAYAN LEPAS –** Syarikat penerbangan tambang rendah, AirAsia pada 1 Julai lalu memperkenalkan dua lagi laluan penerbangan antarabangsa secara terus dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) ke Hanoi, Vietnam dan Phuket, Thailand.

Exco Pembangunan Pelancongan dan Warisan, Kebudayaan & Kesenian, Yeoh Soon Hin ketika ditemui berkata, penerbangan terus dari Hanoi dan Phuket tersebut secara tidak langsung akan merancakkan lagi sektor pelancongan negeri.

"Situasi ini adalah amat baik kerana ia (penerbangan terus) memberikan petunjuk yang positif dengan kemasukan pelancong yang seterusnya akan mengukuhkan lagi ekonomi negeri pada masa hadapan," ujarnya kepada pemberita sempena meraikan kedatangan penerbangan baharu itu di sini 1 Julai lalu.

Turut sama, Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism (PGT), Ooi Chok Yan.




**YEOH Soon Hin (berdiri, tengah) menunjukkan tanda bagus sempena sambutan ketibaan dua penerbangan antarabangsa secara terus ke Pulau Pinang baru-baru ini. Turut sama, Ooi Chok Yan (berdiri, dua dari kanan) dan Spencer Lee (berdiri, dua dari kiri).**

Dalam pada itu, Ketua Komersial AirAsia Malaysia, Spencer Lee menyatakan, AirAsia yakin dapat mengukuhkan lagi habnya di Pulau Pinang sekaligus merangsang kemasukan pelancong ke Pulau Pinang.

"AirAsia berharap untuk terus meningkatkan kedatangan pelancong, dan pada masa sama dapat menghubungkan Pulau Pinang dengan banyak destinasi antarabangsa selain melalui hab AirAsia di Kuala Lumpur.

"(Dan) penerbangan terus empat kali seminggu dari Hanoi dan secara harian dari Phuket ini merupakan laluan baharu ketujuh dan kelapan Kumpulan AirAsia ke Pulau Pinang dalam usaha mengukuhkan lagi hubungan antara negara-negara ASEAN di rantau ini," jelasnya.

Difahamkan, AirAsia kini mendahului permintaan pasaran Pulau Pinang dengan menawarkan 68 peratus penerbangan antarabangsa secara terus sejak April lalu dan telah menerbangkan lebih 11 juta penumpang sama ada dari ataupun ke negeri ini.

AirAsia kini mengendalikan 307 penerbangan sehala seminggu ke PIA dan turut terbang ke beberapa destinasi lain seperti Jakarta, Singapura, Medan, Bandar Ho Chi Minh, Surabaya dan Bangkok termasuk lima penerbangan domestik ke Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching, Kota Kinabalu dan Langkawi.

## Bersama-sama ambil bahagian dalam GDVT, seru KM

**PANTAI JEREJAK –** Dalam usaha meningkatkan tahap kemahiran golongan muda ke arah menyediakan mereka ke dalam pasaran kerja, satu Program Pengurusan Perindustrian berkonsepkan Latihan Vokasional Jerman (GDVT) dilancarkan baru-baru ini.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara Perbadanan Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) dan *Wawasan Open University* (WOU) berlangsung di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini 25 Jun lalu.

Kon Yeow dalam ucapannya berkata, usaha untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang lebih mampan memerlukan usaha untuk menarik bakat dan kemahiran yang benar-benar bersesuaian dengan pasaran kerja kini.

"Bagaimanakah kita (Pulau Pinang) dapat menangani isu-isu seperti trafik, keperluan perumahan dan lain-lain perkara?

"Semua ini adalah ekosistem yang lebih besar dan perlu ditangani untuk mengekalkan daya tarik bakat bekerja di sini," ujarnya yang juga merupakan Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Hadir sama, Exco Perdagangan Dalam Negeri & Antarabangsa, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Pengarah Eksekutif Malaysia-German Chamber of Commerce (MGCC), Daniel Bernbeck dan wakil-wakil daripada syarikat tempatan dan antarabangsa.

Justeru, Kon Yeow mengalu-alukan syarikat-syarikat besar untuk sama-sama mengambil bahagian dalam GDVT tersebut.

"Adalah penting bagi syarikat-syarikat tempatan dan PKS (Perusahaan Kecil dan Sederhana) untuk sama terlibat aktif dalam program ini.

"Kerajaan Negeri sentisa memberikan sokongan penuh kepada program ini sejak dari awal lagi hingga kini Pulau Pinang menjadi contoh kepada negeri-negeri lain dalam membangunkan latihan duo vokasional Jerman yang berjaya," ujarnya sambil merakamkan ucapan tahniah kepada PSDC di atas kejayaan GDVT dan Program Meister Malaysia Peringkat 1 di Pulau Pinang sebelum ini.




**KETUA Menteri (tengah) menyaksikan majlis pertukaran dokumen persefahaman antara PSDC dan WOU di sini baru-baru ini.**

• Perlukan ..... Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!
TANPA CAGARAN & PENJAMIN
PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG
RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH
MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN
SYARAT KELAYAKAN
• Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
• Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan
HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

# Karnival 8R mampu tingkat minat masyarakat terhadap amalan kitar semula

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**BUKIT MERTAJAM –** Penganjuran Karnival 8R diyakini mampu meningkatkan minat masyarakat terhadap amalan kitar semula barangan buangan, kata Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Beliau berkata demikian pada Majlis Cabutan Bertuah Karnival 8R anjuran *Junior Chamber International Malaysia* (JCI) bertempat di Pasar Awam Kota Permai di sini baru-baru ini.

"Karnival ini diadakan pada hari Ahad terakhir setiap bulan bertujuan untuk mewujudkan kesedaran akan kepentingan penggunaan bijak (*smart consumption*) bagi penjagaan alam sekitar demi masa hadapan.

"Ia juga merupakan satu usaha ke arah mewujudkan kesedaran dalam kalangan pengunjung akan kepentingan pengurangan sisa buangan dan meningkatkan minat dalam kitar semula barangan buangan.

"Pendedahan serta promosi 8R dilaksanakan melalui penganjuran program seperti ini yang mana turut diadakan adalah Kempen Pengurangan Penggunaan Beg Plasik yang menggalakkan pengunjung membawa beg sendiri semasa membeli-belah," ujarnya.



**SR. Rozali Mohamud (kanan sekali) meramahi salah seorang peserta penganjuran Karnival 8R di sini baru-baru ini.**

Turut berucap, Presiden JCI Batu Kawan, Ang Hui Fong dan Naib Presiden JCI Malaysia, Chew Hooi Mei yang menyifatkan penganjuran karnival berkenaan berjaya mengurangkan 80 peratus penggunaan beg plastik di pasar awam.

Konsep 8R merujuk kepada *Rethink* (berfikir semula), *Refuse* (menolak), *Reduce* (kurangkan), *Re-use* (guna semula), *Repair* (membaiki), *Re-gift* (hadiahkan semula), *Recover* (memulihkan) dan *Recycle* (kitar semula).

Antara aktiviti yang diadakan pada karnival berkenaan termasuk pembelian barangan kitar semula, penjualan barangan *'upcycle'*, perniagaan tukar barang dan penjualan sayur-sayuran organik.

Sebanyak 50 gerai mengambil bahagian yang mana sepanjang tempoh empat bulan penganjuran, seramai 359 pengunjung telah dikenal pasti mengamalkan amalan hijau semasa membeli-belah yang melayakkan mereka menyertai Majlis Cabutan Bertuah Penggal Pertama pada hari berkenaan.

Pelbagai hadiah menarik disediakan oleh pihak JCI antaranya barangan elektrik, hamper, baucar rawatan muka dan sebagainya.

Dalam pada itu, Rozali menegaskan, sebanyak RM23 bilion mampu dijimatkan dalam tempoh lima tahun sekiranya penduduk di negeri ini mengamalkan prinsip 'Bandar Rendah Karbon'.

"Ini bersamaan dengan penjimatan sebanyak RM400 bagi setiap penduduk untuk tempoh tahun 2018 hingga tahun 2022," katanya sambil menyatakan bahawa MPSP akan menjayakan satu program nasional Bersama-sama JCI iaitu program *'Clean Up The World'* pada 15 September 2019.

## Mandat ketiga: Wakil rakyat tidak harus selesa, sebaliknya tingkatkan kerja beri peluang rakyat lihat perubahan dibawa

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyeru agar semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di negeri ini dapat menunjukkan tauladan yang baik dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Menurut Kon Yeow, meskipun Pakatan Harapan (PH) mendapat mandat buat kali ketiga di Pulau Pinang, wakil-wakil rakyat yang dipilih tidak seharusnya merasa selesa.

"Masih banyak cabaran yang perlu dihadapi dan janganlah menganggap kedudukan kita (PH) kini 'selesa' kerana kita bakal menghadapi pelbagai kemungkinan sepanjang lima tahun ini.

"Saya tidak mahu Pakatan Harapan (PH) menjadi seperti Barisan Nasional 2.0...sebaliknya kita perlu tingkatkan kerja buat kita serta memberi peluang untuk rakyat melihat perubahan dan pembaharuan yang dibawa oleh kita.

"Saya percaya Pakatan Harapan (PH) akan terus menjadi pilihan rakyat dan (wakil-wakil rakyat terpilih) terus mendekati masyarakat berbilang agama dan kaum seperti yang telah lama kita lakukan sebelum ini iaitu mendampingi persatuan-persatuan penduduk dan organisasi setempat seperti qaryah masjid dan sebagainya.

"(Dan) penganjuran rumah terbuka seperti ini merupakan medium terbaik mendekati rakyat dan harus dikekalkan," ucapnya pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri ADUN Komtar dekat Jalan Talipon di sini 1 Julai lalu.

Majlis yang diadakan serentak dengan Majlis Perasmian Pusat Khidmat ADUN Komtar itu turut dihadiri ADUN Pangkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), penghulu kawasan serta pimpinan setempat.

Dalam pada itu, ADUN Komtar, Teh Lai Heng ketika ditemui berkata, bulan Syawal merupakan waktu terbaik untuk semua lapisan masyarakat meraikannya sekaligus mengeratkan hubungan dalam kalangan komuniti.

"(Dan) rumah terbuka juga merupakan cara terbaik yang membolehkan kita belajar dan memahami budaya kawan-kawan kita daripada lain-lain kaum serta masa yang baik memupuk semangat perpaduan dalam komuniti.

"Oleh itu, saya suka sekiranya tradisi rumah terbuka musim perayaan diteruskan untuk mengekalkan persefahaman dan semangat harmoni," katanya yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri.

Teh halia, sirap berempah, nasi beriani, daging goreng masak merah, sate dan char kuetiau antara juadah yang disediakan pada majlis tersebut.

Selain itu, Lai Heng turut menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.



# PBAHB catat PAT bernilai RM37.3 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, umum Jaseni

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN** – Perbadanan Bekalan Air Holdings Berhad (PBAHB) mencatatkan keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM37.3 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 berbanding RM61.8 juta (2016).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, pada tahun 2017, perniagaan teras kumpulan PBAHB adalah bekalan air bagi negeri Pulau Pinang dan sumber utama adalah melalui penjualan air.

"Bagi 2017, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) melalui usaha 'Pulau Pinang Bangkit' telah memberi diskaun kepada semua 604,547 pengguna air di negeri ini untuk satu kitaran bekalan air dan tanggungjawab sosial korporat ini melibatkan kos RM16.6 juta pada hasil.

"Selain itu, PBAHB menanggung perbelanjaan cukai pendapatan sebanyak RM3.7 juta pada tahun 2017 berbanding bayaran balik cukai pendapatan sebanyak RM7.1 juta pada 2016, dan kedua-dua faktor ini telah menyumbang ke arah pengurangan PAT PBAHB sebanyak RM27.4 juta.

"Walau bagaimanapun, PBAHB berjaya mengurangkan kos jualan dan pentadbirannya kira-kira RM1.9 juta pada tahun 2017 untuk merekodkan PAT RM37.3 juta," ujarnya pada sidang media sejurus Mesyuarat Agung Tahunan PBAHB Ke-18 dekat sini baru-baru ini.

Serentak itu, Jaseni turut memberi ringkasan tiga inisiatif bekalan air oleh



**IR. Jaseni Maidinsa (dua dari kiri) berjabat tangan menzahirkan ucapan tahniah atas lantikan Ketua Menteri sebagai Pengerusi Bukan Bebas dan Pengerusi Bukan Eksekutif PBAHB dan PBAPP baharu di sini baru-baru ini.**

PBAPP dalam memastikan pengurusan bekalan air lestari di Pulau Pinang.

"Pertama, projek saluran paip dasar laut berkembar ketiga bernilai RM125 juta yang akan memudahkan pengepaman lebih banyak air terawat dari Sungai Dua ke bahagian pulau dan ia dijangka siap pada Disember 2020.

"Keduanya, Pulau Pinang sedang menunggu Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) menyerahkan Empangan Mengkuang yang telah diperbesarkan, dan terakhir adalah memperoleh kelulusan untuk kajian semula surcaj penjimatan air atau WCS negeri ini.

"Ketiga-tiga inisiatif ini adalah bagi memastikan adanya air yang mencukupi untuk semua penduduk dan perniagaan di Pulau Pinang walaupun ketika musim kemarau berpanjangan," katanya yang berharap pengguna lebih berhemah ketika menggunakan air.

Dalam perkembangan berasingan, Jaseni turut mengumumkan pelantikan Pengerusi PBAHB dan PBAPP yang baharu.

"Sebelum ini, Tuan Lim Guan Eng adalah Pengerusi PBAHB serta PBAPP, dan selepas keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14, beliau telah dilantik sebagai Menteri Kewangan Malaysia.

"(Dan) Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang dilantik sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang secara perlembagaan syarikat PBAHB, beliau kini adalah Pengerusi Bukan Bebas dan Pengerusi Bukan Eksekutif Baharu PBAHB dan PBAPP," umumnya yang turut menzahirkan penghargaan kepada semua bekas Ahli Lembaga Pengarah PBAHB dan PBAPP.

*(Dari muka 15).*

## MPSP penuhi kriteria sebagai sebuah bandar raya, Kerajaan Negeri bakal dapatkan penjelasan lanjut KPKT

**SEBERANG JAYA** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri berhasrat membuat permohonan kepada Kerajaan Persekutuan untuk Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) diiktiraf sebagai sebuah bandar raya pada masa akan datang.

Walau bagaimanapun, katanya, dasar baru diperkenalkan Kerajaan sebelum ini yang mengehadkan hanya satu bandar raya sahaja bagi sebuah negeri menyebabkan permohonan tersebut tidak dapat dilakukan.

"Apabila Kerajaan Negeri pohon status bandar raya bagi MBPP (Majlis Bandar raya Pulau Pinang) beberapa tahun lalu, kita juga berniat untuk membuat permohonan bagi MPSP.

"Tetapi ketika itu kita dimaklumkan bahawa ada dasar baru yang mengehadkan hanya satu bandar raya sahaja untuk sebuah negeri.

"(Dan) memandangkan kita telah membuat permohonan bagi MBPP, maka jika mengikut peraturan ini, kita tidak dapat memohon lagi status bandar raya bagi MPSP," katanya ketika ditemui pemberita sejurus selepas Majlis Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan Ahli Majlis bagi MPSP di sini 2 Julai lalu.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa; Jagdeep Singh Deo dan Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa memandangkan negara kini dibarisi menteri baharu, maka Kerajaan Negeri akan mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berkaitan perkara tersebut kerana MPSP telah memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan sebagai sebuah bandar raya.

"Sekiranya dasar membenarkan, kita (Kerajaan Negeri) akan membuat permohonan kerana MPSP telahpun memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan iaitu dari segi sumber, kemudahan asas, pendidikan dan sebagainya.

"Untuk menjadi sebuah bandar raya, hasil pendapatan pihak berkuasa tempatan (PBT) mestilah tidak kurang daripada RM100 juta selain kemudahan-kemudahan sosial, pendidikan, industri serta rangkaian jalan raya.

"Difahamkan, MPSP telah memenuhi kriteria ini sejak 10 tahun lalu dan layak menjadi sebuah bandar raya," jelasnya.

Dalam pada itu, Jagdeep juga turut bersetuju bahawa MPSP telah memenuhi kriteria sebagai sebuah bandar raya dan Kerajaan Persekutuan wajar mempertimbangkan perkara berkaitan.

Sebagai rekod, MPSP merupakan PBT terbesar di Malaysia iaitu merangkumi kawasan seluas 738 kilometer persegi atau secara perbandingannya kawasan yang diwakili MPSP adalah lebih besar daripada Negeri Perlis.

*(Dari muka 1).*

## Kerajaan Negeri, PBAPP harapkan kerjasama Pusat dan negeri-negeri jiran demi pengurusan air mentah serantau

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) berharap dapat bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan program pengurusan air mentah serantau demi manfaat bersama.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, sejak 2008, PBAPP telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif pengurusan air.

"Antaranya, kita mencadangkan untuk mengharamkan semua aktiviti pembalakan di Ulu Muda serta mewartakan kawasan tersebut sebagai kawasan tadahan air serantau bagi negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

"Selain menyelaraskan pengeluaran air mentah yang lebih baik dari Empangan Muda dan Empangan Beris terutama ketika musim kemarau, kita (PBAPP dan Kerajaan Negeri) juga melaksanakan cadangan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) untuk manfaat Perak Utara dan Pulau Pinang.

"PBAPP juga mencadangkan penggubalan pelan krisis air mentah wilayah utara dan pernah menyuarakan kebimbangan ini di peringkat Persekutuan termasuk Majlis Sumber Air Negara (MSAN), Kementerian Tenaga, Air, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Kementerian Sumber Asli (NRE) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

"Namun, tiada sebarang tindakan daripada Kerajaan Persekutuan terdahulu untuk menangani isu dan kebimbangan ini," ujarnya pada sidang media sejurus mesyuarat agung tahunan syarikat bekalan air itu di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Pengarah Bukan Eksekutif PBAPP; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Holdings Berhad (PBAHB) dan PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa; Ketua Pegawai Kewangan PBAHB, Dr. Mary Ann Harris dan Ketua Pegawai Operasi PBAPP, Ir. Chong Meng Choon.

Dalam pada itu, Kon Yoew yang juga Pengerusi Bukan Bebas dan Pengerusi Bukan Eksekutif PBAHB dan PBAPP berkata, pihak pengurusan air akan terus menyokong rundingan air mentah baru antara Pulau Pinang, Kedah serta Perak.

"PBAPP berharap pimpinan baharu Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri baharu di Kedah dan Perak akan lebih bersedia dan responsif terhadap cadangan pengurusan air mentah serantau.

"Populasi semakin meningkat dan peningkatan kepelbagaian aktiviti sosioekonomi, permintaan air mentah serantau akan terus meningkat apatah lagi jumlah populasi bagi Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak kini mencecah 6.69 juta orang. (Mengikut kajian demografi Jabatan Perangkaan Malaysia).

"(Dan) dalam tempoh 10 tahun lalu, purata permintaan air di Pulau Pinang meningkat 11 peratus iaitu daripada 744 juta liter sehari (JLS) daripada 2008 kepada 826 JLS pada 2017.

"Oleh demikian, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP benar-benar berharap untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan yang baru dan negeri-negeri jiran bagi mencari penyelesaian mampan dan mesra rakyat," katanya yang turut menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dalam sebarang program pengurusan air mentah serantau demi menjamin bekalan sehingga 2050.

# ‘Forest Bathing’ beri peluang masyarakat terokai keindahan alam semula jadi



AKSI penulis dan sebahagian peserta ketika berjalan melalui jambatan gantung Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam.



KEINDAHAN alam ciptaan Tuhan.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**PROGRAM** *‘Forest Bathing’* anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah membuka peluang kepada masyarakat untuk menerokai keindahan alam sekitar secara santai dan sihat.

Yang di-Pertuanya, Dato’ Sr. Rozali Mohamud berkata, program berkenaan merupakan aktiviti yang amat baik bukan sahaja untuk kesihatan diri, malah turut menyumbang ke arah pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

“Memandangkan terdapat pelbagai manfaat kesihatan dan rekreasi melalui program ini, maka ia telah disenaraikan sebagai salah satu program di bawah Pelan Strategik MPSP Tahun 2018-2022 yang akan diadakan di enam lokasi telah dikenal pasti.

“Aktiviti ini tidak memerlukan tenaga yang banyak dan tidak menggunakan wang ringgit, tetapi dapat menyihatkan tubuh badan seperti dapat meningkatkan imunisasi badan, mengurangkan tekanan darah, mengurangkan stres, meningkatkan tenaga, kualiti tidur serta banyak lagi.

“Ia *(Forest Bathing)* juga boleh dilaksanakan bersama-sama keluarga tanpa mengira peringkat umur sekaligus dapat mengeratkan silaturahim dan memperoleh ketenangan yang tidak dapat dirasai di bandar-bandar,” berucapnya pada program berkenaan di Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam Sungai Dua, baru-baru ini.

Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod; wakil Persatuan Pencinta Alam Malaysia, Tan Choo Eng; wakil Jabatan Perhutanan; wakil Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA); wakil Kedutaan Denmark dan wakil KD Sri Pinang juga turut menyertai program berkenaan.

Sebagai makluman, Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam terletak di Kampung Air Hitam Dalam dekat Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara.

Taman rekreasi tersebut berada di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Pulau Pinang bagi memudahkan pengunjung menikmati keindahan panorama alam sambil membuat pemerhatian terhadap spesis flora dan fauna.

Berdasarkan pemerhatian wakil Buletin Mutiara, pelbagai kemudahan disediakan Jabatan Perhutanan di kawasan berkenaan termasuk pelantar pejalan kaki, pondok-pondok rehat, jambatan gantung, pelantar pemandangan, tandas, dangau dan lain-lain.

Difahamkan, hutan berkenaan meliputi kawasan paya darat seluas kira-kira 11 hektar serta bersempadan dengan dua sungai iaitu Sungai Kereh dan Sungai Air Hitam.



LALUAN bagi menerokai Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam.

Kawasan berkenaan juga kaya dengan dengan pelbagai jenis flora dan fauna seperti pokok putat, ara jangkang, nipah, memerang, monyet, biawak dan pelbagai spesies burung (kira-kira 150 spesies burung).

Keistimewaan yang terdapat di taman rekreasi berkaitan menjadikan ia sebagai salah satu destinasi tumpuan pelancongan sama ada dari dalam dan luar negara terutama dalam kalangan penggemar burung.

Mengulas lanjut, Rozali menyatakan bahawa program *‘Forest Bathing’* yang mula-mula diperkenal di negara Jepun pada tahun 1980-an dikenali sebagai *‘Shirin-Yoku’* juga adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri iaitu untuk menjadikan



**JAMBATAN gantung yang menguji keberanian para peserta.**

Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

"Ketika kita (MPSP) mula melaksanakan program ini di Bukit Juru, Seberang Perai Tengah pada 23 September tahun lalu, fokus kita ketika itu adalah hanya untuk golongan remaja.

"Kita mengajak mereka memanjat 636 batang anak tangga di samping membuat kerja-kerja kebajikan dengan membersihkan alam sekitar.

"Namun, pada penganjuran program kedua di Bukit D.O (Taman Rekreasi PBAPP), kita turut memberi fokus kepada warga emas berumur sehingga 70 tahun, yang mana merupakan golongan yang banyak berbakti kepada Seberang Perai.

"Kalau sebelum ini tidak ada langsung dalam program pihak berkuasa tempatan (PBT) khususnya MPSP untuk warga emas, tapi mulai tahun ini, kita (MPSP) usahakan, dan tahniah diucapkan kepada penduduk Seberang Perai yang memberikan cadangan untuk melaksanakan program ini," jelasnya.

Tambah Rozali, penganjuran program berkenaan bukan sahaja melibatkan semua pihak seperti golongan remaja, warga tua, lelaki dan wanita, malah MPSP juga berhasrat untuk memberi penekanan terhadap aspek *'Economic Inclusiveness'*.

"*'Economic Inclusiveness'* bermakna kita perlu mewujudkan peluang untuk mendapatkan pendapatan untuk penduduk setempat.

"Jika program ini boleh dijadikan sebagai pakej pelancongan, saya yakin satu lagi aktiviti ekonomi akan muncul di Air Hitam Dalam dalam tempoh terdekat dan inilah hasrat MPSP.

"Oleh itu, saya berharap NGO-NGO (pertubuhan bukan kerajaan) yang ada dapat membantu MPSP melancarkan lagi hala tuju dalam menjadikan Seberang Perai sebagai tarikan untuk dikunjungi dan didiami," katanya sambil menyeru masyarakat untuk sama-sama menjaga segala kemudahan yang terdapat di kawasan berkenaan.

Selain Hutan Simpan Bukit Juru dan Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O serta Taman Rekreasi Air Hitam Dalam, program tersebut turut akan dianjurkan di tiga lagi kawasan iaitu di Taman Negeri Bukit Panchor (7 Julai 2018), Hutan Lipur Cherok Tok Kun (13 Oktober 2018) dan Pulau Aman (15 Disember 2018).





**BEBERAPA spesies monyet yang dikenal pasti.**




**SR. Rozali Mohamud (berkopiah) bergambar kenangan bersama-sama para peserta Program Forest Bathing anjuran MPSP di pintu masuk Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam, SPU.**

# Pertandingan rakam gambar tarikan Sungai Perai, hadiah RM1,000 menanti pemenang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA -** Masuk tahun ketiga, penganjuran *Aspiring Seberang Perai Photography Awards (ASPP) 2018* kembali lagi, mulai 1 Julai hingga 28 September ini.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu, pertandingan merakam gambar tarikan kali ini adalah anjuran bersama dua firma korporat iaitu ThinkCity Sdn. Bhd. dan Spirit Of Perai.

"Ini merupakan suatu pendekatan kreatif, kalau pihak lain menggunakan konsultan untuk promosi lokasi mereka dalam industri pelancongan, tapi kita gunakan (kreativiti) penduduk kerana kita percaya bahawa penduduk (tempatan) mestilah lebih menghargai alam semula jadi (setempat)," jelasnya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini 25 Jun lalu.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod serta barisan Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Rozali menyatakan bahawa tema pertandingan kali ini ialah *'My Sungai Perai'* dengan *#MySungaiPerai* sebagai tanda pagar di media sosial.

Difahamkan, pertandingan dibuka untuk Kategori Profesional, Penduduk Kelahiran Seberang Perai, Pelajar berusia 13 hingga 20 Tahun dan Ketegori Peserta Media Sosial melalui Instagram.

RM1,000 merupakan hadiah paling lumayan untuk Kategori Profesional.

Segera muat turun borang penyertaan pertandingan dari laman web *http://www.mpsp.gov.my* dan *www.aspiring.photography*.




**SR. Rozali Mohamud (dua dari kanan) dan Ir. Rosnani Mahmod (kiri sekali) ketika mengumumkan penganjuran ASPP 2018 di sini baru-baru.**

## Pemindahan ke lokasi baru, MPSP dapatkan maklum balas - YDP

**SEBERANG JAYA -** Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bercadang memindahkan Pasar Awam Bukit Mertajam ke lokasi baru, dekat Jalan Pegawai di sini.

Mengulas lanjut, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu, setakat ini, pihaknya baru mendapatkan maklum balas lanjut daripada penjaja-penjaja berwajib sahaja, mengenai cadangan tersebut.

"Setakat ini baru minta pandangan," respons Rozali kepada pemberita selepas mempengerusi Mesyuarat Penuh Majlis di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Rozali memberitahu, Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri telah meluluskan RM20 juta untuk pemajuan sebuah pasar awam baru.

"Jadi, sebelum kita (MPSP) membuat penyediaan pelan, kita (MPSP) minta pendapat mereka (penjaja Pasar Awam Bukit Mertajam) dahulu," jelasnya.

Tambah beliau, hasil kajian lapangan *City of Yokohama* dalam menyiapkan pelan reka bentuk semula bandar Bukit Mertajam terhadap penduduk tempatan antara lain bersetuju dengan pemindahan Pasar Awam Bukit Mertajam tersebut.

Pada Februari 2016, MPSP bersetuju untuk saling bekerjasama dengan City of Yokohama, Jepun, dan Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) serta beberapa agensi lain dalam menyediakan pelan reka bentuk semula bandar lama tersebut.



# MBPP perkenal garis panduan baharu perniagaan arena sukan elektronik, pusta siber dan kafe siber

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini sedang memperincikan garis panduan baharu kepada pengusaha perniagaan arena sukan berelektronik, pusat siber dan kafe siber di bawah pentadbirannya.

Datuk Bandar MBPP, Ar. Yew Tung Seang berkata, langkah tersebut diambil bagi menyediakan pendekatan melaksanakan pengawalan ke atas perniagaan berkaitan yang mana ianya bakal merangkumi kaedah pengurusan, aktiviti yang dibenarkan, masa dan kawasan operasi, larangan-larangan serta syarat-syarat am reka bentuk yang perlu dipatuhi.

"Aktiviti arena sukan elektronik, pusat siber dan kafe siber ini dihadkan kepada aktiviti pengendalian kemudahan komputer untuk tujuan sukan elektronik, melayari internet, perkhidmatan perisian dan perkhidmatan lain yang berkaitan.

"Bagi aktiviti permainan dalam talian (*online game*) atau *server game*, ia adalah dibenarkan dengan mematuhi undang-undang bertulis lain yang terpakai di Malaysia.

"Pemegang lesen pusat-pusat ini hendaklah bertanggungjawab memastikan tiada sebarang aktiviti tidak bermoral berlaku dalam premis sepanjang masa operasi," ujarnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis di sini 28 Jun lalu.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali.

Pelesenan premis arena sukan elektronik, pusat siber dan kafe siber adalah tertakluk kepada Undang-undang Kecil yang dikuatkuasakan oleh MBPP.

Mengulas lanjut, Tung Seang menjelaskan bahawa ketiga-tiga jenis pusat berkaitan hanya boleh beroperasi dari 7 pagi hingga 12 tengah malam sahaja, dan sekiranya pengusaha ingin beroperasi melebihi jam 12 tengah malam, mereka (pengusaha) hendaklah mengemukakan permohonan bertulis kepada MBPP.


AR. Yew Tung Seang dan Ir. Addnan Mohd. Razali pada sidang media di sini baru-baru ini.

"Arena sukan elektronik, pusat siber dan kafe siber hanya akan dibenarkan beroperasi di kawasan kompleks perniagaan, rumah kedai/kedai pejabat (tingkat bawah dan tingkat satu sahaja) dan premis binaan sendiri di kawasan luar bandar (kelulusan Permit Sementara).

"Pusat ini tidak dibenarkan beroperasi berhampiran kawasan sensitif seperti rumah ibadat dan kawasan lain yang ditetapkan MBPP," jelasnya sambil menyatakan bahawa MBPP berhak membatalkan lesen perniagaan sekiranya pengusaha membuat perlanggaran syarat atau larangan lain melebihi tiga kali setahun.




## MPSP cepatkan serahan Borang Kebenaran Merancang C1, bantu rancakkan sektor ekonomi negeri

**SEBERANG JAYA -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) membuat keputusan untuk mempercepatkan proses penyampaian keputusan Permohonan Kebenaran Merancang (Borang C1) kepada pemohon yang layak.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, langkah itu dibuat bagi membantu merancakkan lagi sektor ekonomi di negeri ini.

"Pentingnya mempercepatkan penyampaian Borang C1 ini adalah untuk membolehkan pemaju memulakan projek-projek mereka sekaligus dapat membuka peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

"Apabila rakyat ada pekerjaan dan mendapat gaji, mereka akan berbelanja menyebabkan ekonomi akan menjadi semakin berkembang," ujarnya pada sidang media di sini 27 Jun lalu.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod; Ahli-ahli Majlis bagi MPSP serta wakil syarikat pemaju.

Pada sidang media itu, wakil Syarikat T.T.A Polymers (M) Sdn. Bhd. menerima Borang C1 yang disampaikan sendiri oleh Rozali.

Difahamkan, syarikat pemaju berkenaan membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran merancang bagi dua unit gudang pada 12 April lalu dan telah diluluskan dalam mesyuarat MPSP pada hari berkaitan.

Mengulas lanjut, Rozali berkata, bagi pemaju yang menggunakan tenaga solar sebanyak 15 peratus, MPSP juga akan menyerahkan Borang C1 pada hari yang sama selepas permohonan diluluskan.

"Bagi pemaju yang menggunakan tenaga solar sebanyak 15 peratus atau lebih, jika memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, kita (MPSP) akan beri kelulusan dan terus serahkan Borang C1.

"Langkah ini untuk menjadikan Seberang Perai sebagai bandar rendah karbon dalam tempoh lima tahun akan datang," jelasnya.

# Rebut peluang sertai Program Saintis Muda, seru ADUN

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SERI DELIMA -** Demi memanfaatkan musim cuti persekolahan baru-baru ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid memberikan sokongan penuh berhubung penganjuran Program Saintis Muda khas untuk pelajar-pelajar sekolah rendah.

Katanya, program percuma Kerajaan Negeri bersama-sama *Tech Dome Penang* (TDP) dan pejabat-pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN)/Parlimen di seluruh Pulau Pinang tersebut bertujuan menyemai minat pembelajaran sains serta matematik dalam kalangan pelajar.

“Program ini sebenarnya dah bermula sejak Disember 2017, dan kebiasaannya memang diadakan pada cuti sekolah...kerana pada waktu cuti murid-murid wajar ada aktiviti berguna seperti ini.

“Dengan adanya program seperti ini, ianya mampu memupuk minat pelajar-pelajar terhadap bidang sains dan matematik iaitu STEM (Sains, Teknologi, Matematik dan Kejuruteraan),” ujarnya pada Program Saintis Muda di Pusat Pembelajaran Karpal Singh dekat Bukit Gelugor di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Pameran dan Pembelajaran TDP, Sean Lee Kuan Shern.

Syerleena dalam pada itu berharap agar program berkaitan tidak dijadikan sebagai program *one-off* sahaja, sebaliknya diteruskan pada masa akan datang.

Dalam pada itu, Kuan Shern memaklumkan bahawa pihaknya selaku pengendali program menyasarkan seramai 5,000 pelajar bakal menyertai program saintis muda pada tahun ini di lebih 50 lokasi seluruh negeri.

Selain menghubungi pusat-pusat khidmat ADUN/Parlimen, orang ramai yang berminat juga boleh menghubungi TDP di talian 04 – 262 6663.



SYERLEENA Abdul Rashid (barisan depan, tiga dari kanan) memerhatikan teknik pembelajaran membabitkan beberapa pelajar yang mengikuti Program Saintis Muda di sini baru-baru ini.







# Majlis rumah terbuka sebagai tanda penghargaan, ADUN harap keharmonian berkekalan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA -** Penganjuran rumah terbuka sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri oleh pimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diteruskan pada tahun ini seperti tahun-tahun sebelumnya.

Serentak itu, menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin, penganjuran program berkenaan kali ini dilihat mendapat sambutan lebih meriah di luar jangkaan.

"Tujuan penganjuran program ini adalah untuk meraikan masyarakat di sini, dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada anda semua yang sudi hadir.

"Saya berpendapat rumah terbuka tahun ini adalah yang paling meriah dan diharap agar keharmonian ini akan berkekalan sampai bila-bila," ucapnya pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya dekat Gelanggang Bola Keranjang A-Zone di sini baru-baru ini.

Hadir sama memeriahkan majlis, Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Ohtman; ADUN Teluk Air Tawar, Mustafa Kamal; wakil-wakil dari agensi Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan serta penduduk setempat.

Afif yang juga Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar juga menjelaskan bahawa Gelanggang Bola Keranjang A-Zone yang menjadi lokasi majlis adalah gelanggang yang telah dinaik taraf menerusi peruntukan Kerajaan Negeri.

"Gelanggang yang baru dinaik taraf ini adalah hasil sumbangan Kerajaan Negeri hampir RM100,000, dan sumbangan tambahan oleh pejabat ADUN Seberang Jaya bagi menambah kelengkapan-kelengkapan baru seperti lampu dan sebagainya," ujarnya.

Selain dijamu dengan pelbagai juadah istimewa, tetamu yang hadir pada malam berkenaan juga turut dihiburkan dengan beberapa acara seperti agihan duit raya kepada kanak-kanak.

Lebih menarik apabila sebuah mesin kompos turut disediakan pada majlis berkenaan bagi menggalakkan amalan kitar semula dengan melaksanakan pengkomposan sisa makanan yang dapat mengurangkan penghasilan beban sampah.



**DR. Afif Bahardin (tiga) menyampaikan sumbangan duit raya kepada salah seorang pengunjung cilik pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya di sini baru-baru ini.**



**Bakat Si Cilik - Mewarna 1 / 2018**

# saya anak MALAYSIA



Sila isi butiran berikut:

Nama : ..................................................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ..................................................

Alamat: ..................................................

..................................................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ..................................................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) : ....................

Emel: ..................................................

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari 1 Julai 2018 hingga 30 September 2018.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Hadiah:**

**Pertama: RM250**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**10 Hadiah Saguhati**